

18/12/2000

Pertubuhan desak batal tuntutan

KUALA LUMPUR, Ahad - Semakin banyak pertubuhan mendesak Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menarik semula memorandum 17 tajuk yang mengandungi 83 tuntutan bagi mengelak ketegangan kaum.

Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia, Mansor H M Jaafar berkata, tuntutan Suqiu bukan saja tidak munasabah, malah mencabar kontrak sosial kerana menyentuh hak keistimewaan Melayu.

"Persatuan sudah banyak kali mengatakan supaya perkara seperti itu tidak dibangkitkan kerana ia boleh menjejaskan keharmonian kaum yang dikecapi sejak sekian lama.

"Oleh itu, kita berpendapat tuntutan berkenaan perlu ditarik semula. Ini bukan soal Melayu, Cina atau India.

"Ini adalah soal prinsip yang telah dipersetujui sejak sebelum merdeka. Jangan salahkan sesiapa kalau sesuatu keadaan yang tidak menentu berlaku," katanya.

Memorandum yang dikemukakan Suqiu pada 16 Ogos 1999 mencetuskan kontroversi kerana mencabar kontrak sosial apabila hak keistimewaan Melayu disentuh.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat, jika semua tuntutan Suqiu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan negara.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Dr Maamor Osman berkata, Suqiu juga perlu memohon maaf kepada Perdana Menteri.

"Selama ini kita telah memberi mereka kekayaan kerana majoriti pengguna adalah orang Islam. Jangan sampai wujud keadaan di mana kita memboikot peniaga Cina," katanya.

Presiden Majlis Belia Selangor (MBS), Datuk Abdul Rahman Palil berkata, kerajaan perlu bertindak tegas menghentikan semua tuntutan melampau.

Katanya, MBS yang merupakan badan induk kepada 18 persatuan berbilang kaum dan agama di Selangor serta mewakili sembilan Majlis Belia Daerah, mahu kerajaan bertindak segera tanpa memilih bulu supaya polemik yang sudah menimbulkan keresahan rakyat itu dihentikan segera.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Dr Abdul Rahman Daud berkata, orang Melayu sepatutnya mengetepikan ideologi politik masing-masing dan bersatu padu bagi menghadapi masalah itu.

"Masalah ini tidak akan selesai jika kita tidak mencari jalan penyelesaian. Dalam hal ini, kita perlu bersatu padu," katanya.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman meminta media massa menghentikan tindakan memainkan isu Suqiu kerana ia boleh membangkitkan semangat perkauman.

Beliau berkata, media massa sepatutnya berperanan membantu kerajaan menerangkan kepada masyarakat mengenai isu itu dan bukan sebaliknya.

"Media massa mesti berhenti memainkan isu Suqiu kerana ia boleh membangkitkan semangat perkauman memandangkan tuntutan berkenaan hanya untuk memenuhi kepentingan satu pihak tertentu yang seolah-olah meragui keikhlasan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kacau Dodol Perpaduan 2000 anjuran Rukun Tetangga Daerah Gombak.

Siti Zaharah berkata, kementeriannya sedang memantau kesan isu itu kepada masyarakat dalam usaha membendung berlakunya perpecahan kaum.

Sehubungan itu, katanya, semua ahli jawatankuasa Rukun Tetangga diarah

mengadakan sesi penerangan kepada masyarakat setempat berhubung isu berkenaan.

"Ahli jawatankuasa Rukun Tetangga mempunyai peranan penting untuk menolak setiap dakwah yang boleh menjejaskan perpaduan kaum," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Penerangan Umno Johor yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohamed Khaled Nordin, meminta pemimpin MCA yang diketuai Datuk Seri Dr Ling Liong Sik turun padang dan memberi penerangan menyeluruh kepada masyarakat Cina mengenai isu itu.

Beliau berkata, tuntutan itu jika tidak ditangani berhati-hati, boleh menjadi lebih serius.

"Buat masa ini tidak ada guna pelbagai pihak membuat pelbagai kenyataan dan menokok-tambah mengenai isu tuntutan Suqiu sehingga menimbulkan lagi kekeliruan rakyat, terutama kaum Cina," katanya.

Mengenai tindakan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohamed Khaled berkata, kelantangan mereka sudah cukup menggambarkan pendirian tega kaum Melayu.

"Sifat sensitif harus ada di kalangan orang Melayu supaya jangan ada kaum lain cuba mengambil kesempatan terhadap kelemahan orang lain.

"Bukan bermakna GPMS hendak menimbulkan perbalahan, tetapi Suqiu perlu faham akan perasaan kaum lain yang turut sama tinggal di negara ini," katanya.

Di GEORGETOWN, Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye meminta semua pihak menghentikan segera perang mulut berhubung tuntutan Suqiu.

Chia yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, turut mempersoalkan mengapa kontrak sosial negara yang sudah lama diguna pakai dan diamalkan berdasarkan persefahaman serta keharmonian perlu didebatkan secara terbuka sekarang.

Di KOTA BHARU, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, Zahari Kechik berkata, Suqiu sepatutnya sedar tindakannya sudah menyentuk sensitiviti orang Melayu yang bersusah payah berjuang menentang penjajah menerusi Umno sehingga mencapai kemerdekaan dan membawa kepada penerimaan kewarganegaraan kaum lain menjadi rakyat di negara ini.

(END)